

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 TUJUAN KAJIAN

Latihan ilmiah ini adalah satu kajian tentang masyarakat Kadazan/Dusun di Sabah khususnya di Daerah Ranau. Sebelum ini beberapa penulisan telah dilakukan oleh penulis Barat dan tempatan khususnya kepada masyarakat Kadazan/Dusun di Sabah tetapi kajian atau penulisan khusus kepada masyarakat Kadazan/Dusun di Daerah Ranau adalah terhad terutamanya kajian secara ilmiah. Kekurangan tersebut perlu di atasi untuk membolehkan pemahaman tentang masyarakat Kadazan/Dusun di Daerah Ranau dapat dipertingkatkan di kalangan masyarakat luar. Selama ini masyarakat luar selalu menganggap masyarakat Kadazan/Dusun Ranau tidak jauh berbeza dengan masyarakat Kadazan/Dusun di lain tempat, namun begitu pada realiti masyarakat ini mempunyai keunikan yang tersendiri daripada masyarakat Kadazan/Dusun di tempat lain.

Dalam kajian ini, pengkaji melihat Identiti dan Interaksi antara agama dikalangan masyarakat Kadazan/Dusun khususnya di Daerah Ranau. Persoalan identiti merupakan masalah yang sering dihadapi oleh masyarakat dalam sesuatu negara yang baru mencapai kemerdekaan terutamanya negara-negara di Asia Tenggara selepas berakhirnya perang dunia kedua. Sehingga kini ada dikalangan ahli masyarakat ini mengidentitikan diri mereka sebagai Kadazan dan Dusun, oleh itu pengkaji ingin mengupas keadaan tersebut.

Dari segi agama pengkaji melihat interaksi antara agama

yang dianuti oleh masyarakat Kadazan/Dusun Ranau. Oleh itu pengkaji memberi tumpuan kepada penganut agama Islam dan agama Kristian Roman Katolik serta pengaruh agama Tradisional dalam masyarakat Kadazan/Dusun Ranau adalah seimbang maka kajian ini juga mengkaji hubungan antara mereka.

Seperti yang disebutkan terdahulu iaitu beberapa kajian dan penulisan telah dilakukan oleh penulis Barat dan tempatan seperti Robert Harrison (1971) yang telah mengkaji masyarakat Kadazan/Dusun di Daerah Ranau dalam tesis PhD. beliau yang bertajuk "An Analysis of the Variation Among Dusun Communities of Sabah", beliau menyebutkan tentang aspek perbezaan dalam masyarakat Kadazan/Dusun Ranau yang seterusnya membawa perubahan dalam masyarakat tersebut. Beliau banyak menekankan perbezaan dalam masyarakat ini adalah disebabkan oleh perbezaan aktiviti ekonomi yang banyak bergantung kepada aspek penggunaan ruang atau bentuk mukabumi. Ini melibatkan faktor topografi serta aktiviti pertanian yang dijalankan dalam ruang dan kedudukan yang berbeza, namun begitu beliau juga memuatkan aspek-aspek persamaan dalam masyarakat ini.

Secara ringkas beliau telah mengkaji identiti masyarakat ini, walau bagaimanapun beliau kurang menekankan aspek identiti dari segi bangsa dan kepercayaan masyarakat tersebut.

Selain daripada itu beliau juga menulis satu artikel mengenai masyarakat ini yang bertajuk "Where Have All the

Ritual Gone? Ritual Presence Among The Ranau Dusun of Sabah, Malaysia" (1979). Dalam artikel tersebut beliau membincangkan tentang agama Tradisional masyarakat Ranau iaitu berkenaan dengan setakat mana ritual-ritual dan kepercayaan dalam masyarakat ini diamalkan. Namun begitu beliau tidak membincangkan dengan jelas apakah yang menyebabkan masyarakat Ranau semakin kurang mengamalkan kepercayaan tradisional mereka.

Harold Allen Blair (1966) adalah salah seorang lagi yang telah menulis tentang masyarakat ini. Dalam artikel yang bertajuk "Notes on Kapir the Kadazan Religion, as Practised in Bundu Tuhan", beliau membincangkan agama masyarakat Kadazan/Dusun. Beliau mengemukakan aspek-aspek kosmologi agama Tradisional yang dipanggil sebagai agama kapir oleh masyarakat di sini. Seorang lagi penulis iaitu G. C. Wolly dalam buku yang bertajuk "Marriage in Dusun Adat : Some Custom of Tambunan and Ranau, West Coast Residency, North Borneo (1953). Dalam buku tersebut mengandungi peraturan adat-adat yang diamalkan dikedua-dua kawasan itu.

Penulis tempatan pula ialah seperti Abidin Madingkir (1976) dalam latihan ilmiah yang bertajuk "Aspek Pertanian Pindah di Ranau (1976, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya). Beliau membincangkan aktiviti pertanian pindah di Daerah Ranau yang masih diamalkan di kawasan ini.

Secara keseluruhan banyak penulisan telah dilakukan tentang masyarakat Kadazan/Dusun di Negeri Sabah tetapi lebih menumpukan kepada aspek-aspek ekonomi, adat-adat

tradisional dan kebudayaan tetapi kurang menumpukan kepada aspek-aspek hubungan sosial antara individu atau kelompok dalam masyarakat ini. Oleh itu tujuan kajian meliputi identiti dan interaksi antara agama.

## 1.2 BIDANG KAJIAN

Bidang kajian secara keseluruhan meliputi kajian Identiti dan Interaksi antara agama. Dalam mengkaji kes ini, pengkaji memilih empat buah kampung yang mewakili daerah Ranau secara keseluruhannya. Kampung tersebut iaitu Kampung Lingkudou, Kg. Bundu Tuhan, Kg. Himbaan dan kawasan pekan Ranau sebagai sasaran kajian. Secara ringkas, kesemua kampung dan kawasan tersebut pada keseluruhannya didiami oleh masyarakat Kadazan/Dusun yang mempunyai dinamik identiti sama ada dari segi sosial, kebudayaan, ekonomi dan agama.

Memandangkan sifat dalam masyarakat dan untuk mengelakkan bias maka pengkaji tidak dapat lari daripada membincangkan perkaitan kes-kes yang dikaji dengan faktor-faktor luar yang mempengaruhi masyarakat di sini. Oleh itu sedikit sebanyak faktor luar yang berlaku di seluruh Sabah dan amnya kepulauan Borneo dimuatkan dalam kajian ini.

Sebagai masyarakat yang dinamik pengkaji mengkaji masyarakat ini daripada peringkat awal sehingga semasa kajian dibuat. Untuk memahami masyarakat ini, latarbelakang perlu dilihat di mana terdapat pada permulaan Bab 2 sehingga Bab 5 dan seterusnya barulah kepada hal-hal semasa.

Dalam Bab 3, pengkaji menumpukan kajian identiti dari segi bangsa dan bahasa (dialek) yang dimiliki oleh masyarakat Ranau. Perubahan-perubahan pada peringkat negeri memberi kesan kepada masyarakat Ranau, oleh itu pengkaji meneliti setakat mana masyarakat di sini mempertahankan idntiti mereka dan keberkesanan pengaruh luar terhadap identiti mereka.

Penyebaran agama khususnya agama Islam dan Kristian ke dalam masyarakat menghadapi beberapa masaalah kepada penyebar agama tersebut. Pada Bab 4 pengkaji melihat keberkesanan dan masaalah penerimaan agama-agama tersebut disamping kedudukan agama tradisional dikalangan masyarakat tempatan pada peringkat awal kedatangan hingga kini. Oleh itu strategi-strategi yang digunakan oleh penyebar agama tersebut juga menjadi bidang kajian pengkaji.

Pada Bab 5, pertapanan agama Islam dan agama Kristian telah mempengaruhi masyarakat terutamanya kemerosotan pengamalan agama tradisional telah melahirkan perbezaan dalam masyarakat ini. Oleh itu pengkaji meneliti setakat mana interaksi antara mereka dan seterusnya campurtangan daripada beberapa pihak yang menghasilkan implikasi kepada interaksi tersebut.

### 1.3 KAEDAH PENYELIDIKAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah pemerhatian dan penyertaan yang selalu digunakan oleh

ahli Antropologi. Antara faktor yang menyebabkan pengkaji menggunakan kaedah ini kerana pengkaji sendiri pernah tinggal bersama-sama dengan masyarakat ini sejak dari kecil hingga kini. Justeru itu, kaedah pemerhatian dan penyertaan yang dibuat oleh pengkaji merupakan satu kaedah yang lebih sistematik untuk memahami masyarakat dimana pengkaji sendiri mempunyai sedikit sebanyak pengalaman tentang masyarakat ini sebelum kajian dibuat. Kaedah ini sangat sesuai digunakan dalam masyarakat yang bergantung kepada ekonomi pertanian luar bandar. Tambahan pula masyarakat ini lebih suka berinteraksi dalam bahasa tempatan (bahasa Ibunda) dan pengkaji sendiri dapat menyesuaikan diri dengan keadaan ini. Menurut Clifford Geertz (1961:13), ahli-ahli Antropologi dalam mengkaji masyarakat tani boleh menggunakan pendekatan secara deskripsi serta analisis atau intrepetasi dengan melihat dari luar dan dalam komuniti dan masyarakat yang dikaji. Justeru itu pengkaji dapat menilai, melihat dan merasa dengan kacamata sendiri dalam segala aktiviti masyarakat.

Selain daripada kaedah pemerhatian dan penyertaan pengkaji menggunakan kaedah temubual. Kaedah ini digunakan untuk memastikan perkara-perkara yang tidak jelas disamping mengetahui pendapat responden dan maklumat-maklumat yang diperlukan. Kaedah ini sangat sesuai kerana soalan yang susah difahami dapat diterangkan dengan lebih jelas oleh pengkaji. Selain daripada itu pengkaji dapat memperbetulkan kekliruan maksud soalan. Responden pula dapat menjawab

soalan tersebut secara spontan dan panjang lebar yang kadangkala memberi manfaat kepada pengkaji.

Pada peringkat awal, pengkaji terlebih dahulu memilih kawasan atau kampung yang dapat mewakil daerah Ranau secara keseluruhan. Selepas itu pada awal bulan April pengkaji memulakan kerja luar di kampung Lingkudou iaitu tempat pengkaji sendiri. Pada peringkat ini pengkaji mengambil masa selama tiga minggu. Masa tersebut adalah memadai kerana pengkaji mempunyai pengalaman tinggal bersama dalam kampung tersebut. Disamping itu pengkaji juga banyak bergaul dengan penduduk di sekitar Pekan Ranau yang tidak jauh daripada kampung tersebut.

Pada awal bulan Mei pengkaji bertolak ke Kampung Tompios untuk memastikan cerita berkenaan dengan legenda Nunuk Ragang dikalangan masyarakat di situ<sup>1</sup>. Di kampung tersebut terletak kawasan Nunuk Ragang yang dipercayai menjadi penempatan awal atau tempat asal masyarakat etnik Kadazan/Dusun seperti yang terdapat dalam cerita legenda masyarakat tersebut.

Pada pertengahan bulan Mei pengkaji menjalankan kajian ke Kampung Tegudon Lama. Sebenarnya pengkaji tidak merancang untuk menjadikan kampung ini sebagai kawasan kajian tetapi setelah pengkaji mengikuti Baktasiswa yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Sabah Universiti Malaya (PERMASA) selama seminggu di kampung tersebut pada awal bulan Mei, pengkaji mendapati kampung tersebut sesuai dengan tajuk kajian iaitu

---

<sup>1</sup> Akan dibincangkan dalam Bab 3

kesemua penduduknya beragama Islam dimana sebelum ini pengkaji sukar mencari kampung yang didiami penduduk keseluruhannya beragama Islam. Semasa Baktisiswa dijalankan pengkaji telah meminta bantuan kepada peserta untuk menemuramah setiap bapa angkat mereka. Ini telah memudahkan dan mengurangkan masa kajian. Selepas itu pengkaji melanjutkan kajian di Kampung Himbaan selama seminggu.

Pada akhir bulan Mei iaitu kemuncak pesta menuai<sup>2</sup> dan pada masa tersebut penyelia pengkaji iaitu Dr. Tan Chee Beng tiba ke tempat pengkaji. Setelah berbincang tentang latihan ilmiah, Penyelia pengkaji seterusnya memeriksa keadaan tempat kajian di kampung Lingkudou. Pada esoknya penyelia pengkaji bersama pengkaji bertolak ke kampung Tegudon Lama dan meninjau tempat tersebut. Seterusnya pada petang itu kami bertolak ke kampung Bundu Tuhan yang merupakan tempat asal nenek moyang pengkaji. Di kampung itu kami menumpang disalah sebuah rumah responden pengkaji. Kami tidak dapat merasai suasana pesta menuai di kampung tersebut kerana cuaca hujan dan suhu yang agak sejuk tambahan pula kawasan ini berbukit-bukau dan jalan ke setiap tempat licin akibat cuaca hujan dan kecerunan yang agak curam. Biasanya suasana pesta menuai di kampung ini dapat dirasai selama beberapa minggu dan pada masa tersebut adat minsambai atau kunjung mengunjungi dari rumah ke rumah antara penduduk kampung dijalankan. Pada masa itu pengkaji mengambil kesempatan

-----  
<sup>2</sup> Pesta menuai adalah pesta kebudayaan yang dirayakan selepas selesai menuai padi di negeri Sabah oleh masyarakat Kadazan/Dusun.

daripada itu untuk menemuramah penduduk di situ.

Semasa menjalankan kajian luar tersebut pengkaji telah bergaul mesra dengan mengikuti aktiviti-aktiviti harian penduduk di kampung kajian. Begitu juga dengan upacara-upacara kebudayaan seperti Hari Raya, Pesta\_Meduai, upacara perkahwinan, Kematian dan beberapa lagi aktiviti dalam masyarakat. Dalam upacara-upacara tersebut pengkaji mendapat banyak pengetahuan tentang masyarakat ini.

Selain daripada masyarakat kampung yang dikaji, pengkaji juga telah menemui dan bertanyakan beberapa soalan kepada pihak-pihak luar yang mempunyai hubungan dan kepentingan serta kaitan rapat dengan masyarakat tersebut. Mereka seperti Pegawai-pegawai kerajaan yang berkaitan misalnya di Pejabat Daerah, Majlis Daerah, Jabatan Penerangan, Ahli-ahli Agama, Guru-guru dan peniaga serta orang perseorangan misalnya ahli-ahli politik. Golongan ini biasanya mempunyai maklumat tentang masyarakat ini.

Sebagai melengkapkan kajian, kajian perpustakaan dilakukan dengan melihat kajian-kajian terdahulu dan penulisan-penulisan tentang masyarakat ini. Selain daripada itu, pengkaji juga mengkaji atau sekurang-kurangnya memahami penulisan terhadap masyarakat di luar Daerah Ranau untuk memudahkan perbandingan serta panduan. Dengan ini pengkaji berharap tidak berlaku bias dalam pengkajian serta idea-idea yang disampaikan dalam mengkaji masyarakat ini.

#### **1.4 MASAALAH KAJIAN DAN PENYELESAIAN**

Masalah utama pengkaji ialah kesukaran mendapatkan maklumat yang betul berkenaan dengan tarikh. Maklumat-maklumat yang diberikan oleh responden selalunya hanya agakan walaupun mereka sendiri mengalami peristiwa-peristiwa tersebut. Misalnya responden lebih suka mengaitkan tarikh sesuatu kejadian dengan peristiwa-peristiwa bersejarah bagi mereka seperti zaman Jepun, selepas Jepun dan lain-lain lagi.

Semasa menjalankan temubual dengan responden, pengkaji terpaksa menggunakan bahasa ibunda iaitu bahasa Kadazan/Dusun kerana penduduk kampung lebih mudah dan suka bertutur dalam bahasa tersebut terutamanya dikalangan golongan tua, tambahan pula mereka agak sukar berbahasa Melayu manakala golongan muda lebih suka bertutur dalam bahasa ibunda dengan pengkaji kerana adalah kekok menggunakan bahasa Melayu sedangkan selama ini iaitu sebelum kajian dibuat pengkaji bertutur dengan mereka dalam bahasa ibunda. Oleh itu kadang-kala pengkaji menghadapi masaalah untuk menterjemahkan maksud yang tepat istilah-istilah dalam bahasa Kadazan/Dusun ke dalam bahasa Melayu. Sebagai penyelesaian pengkaji menggunakan maksud yang paling hambar atau pengkaji menerangkan maksud sesuatu istilah tersebut dengan panjang lebar dalam bahasa Melayu. Masaalah ini timbul kerana susunan nahu dalam bahasa Kadazan/Dusun agak berbeza dengan susunan nahu bahasa Melayu disamping bahasa ibunda juga mempunyai berbagai istilah mengikut suku-suku

yang terdapat di daerah Ranau.

Semasa mencari bahan rujukan perpustakaan, pengkaji menghadapi masaalah untuk berulang-alik ke perpustakaan yang terletak di Kota Kinabalu. Masaalah jarak dan masa yang agak jauh antara Ranau dengan Kota Kinabalu sedikit sebanyak menghalang kelincinan kerja pengkaji. Tambahan pula seringkali buku-buku atau rujukan yang diperlukan hilang atau tidak dapat dikesan seperti yang dilaporkan oleh pegawai perpustakaan di perpustakaan penyelidikan Tun Fuad Stephen Kota Kinabalu. Masaalah ini menyebabkan kekurangan bahan rujukan kepada pengkaji, namun begitu masaalah ini dapat diatasi kerana sebahagian rujukan yang diperlukan terdapat di perpustakaan sekitar Universiti Malaya.

Selain daripada itu, pengkaji juga menghadapi masaalah kewangan yang selalu dihadapi oleh pelajar-pelajar yang berasal daripada keluarga yang tidak berkemampuan, tambahan pula tidak terdapat pihak-pihak yang sanggup memberikan bantuan kewangan. Oleh itu pengkaji terpaksa bergantung kepada biasiswa dan elauu latihan ilmiah yang tidak mencukupi daripada pihak pemberi biasiswa tersebut serta sedikit bantuan kewangan daripada penyelia latihan ilmiah dan bantuan daripada individu-individu yang berkepentingan.